

## AMARAN KEPADA AMINUDDIN

# Sertai latihan atau gugur

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

KEDUDUKAN pesilat terbaik kebangsaan '88, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, mewakili negara ke Sukan SEA XV, Ogos ini mungkin tergugat jika masih gagal menyertai latihan pusat keenam di Kuala Lumpur, Jun ini.

Ini berikutan keputusan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan mengugurkan mana-mana pesilat yang gagal mengikuti latihan pusat, sekalipun memberikan alasan gagal mendapat pelepasan cuti daripada majikan.

Wan Aminuddin dilaporkan sudah beberapa kali gagal menghadiri latihan pusat sepenuhnya kerana menghadapi masalah cuti. Ini termasuk latihan peringkat kelima di Kota Bharu, Februari lalu.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata semua 30 pesilat diwajibkan mengikuti latihan pusat keenam bagi memudahkan jawatankuasa pemilihan memilih pesilat bagi skuad utama.

Katanya, Pesaka tidak akan berlembut dengan mana-mana pesilat yang gagal menyertai latihan pusat.

"Kami sudah lama bertolak ansur dalam ini. Malah, kedudukan ini menimbulkan tanyanya di kalangan pesilat lain kenapa tindakan tidak diambil terhadap pesilat tertabit.

"Dalam hal ini, kami terpaksa memikirkan pesilat lain yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji dan sanggup turun pangkat semata-mata untuk menyertai latihan pusat," kata Sulaiman.

Menurutnya, jika sikap berlembut ini berterusan, kemungkinan masih ada pesilat yang menarik diri daripada latihan pusat nanti.

Mengenai kedudukan Wan Aminuddin, Sulaiman berkata: "Saya percaya pesilat Kelas G itu akan menyertai semula latihan pusat nanti. Jika dia terus gagal berbuat demikian, kami tidak teragak-agak mengugurnya daripada senarai pasukan negara."

Senarai pesilat lain ialah Ahmad Fafee Yaacob, Mohd Basri Abdul Rahman (Kelas A), Ahmad Wardi Salim, Azmi Manaf (B), Meor Badrul Hisham, Kibiri Abdul Rahman (C), Zaidi Ibrahim, Ahmad Khusairi Ibrahim (D), Rauf Abdullah, Azahari Idris (E), Rozaidi Abdul Rahman, Wan Adnan Wan Isa (F), M Rajaretanam (G), Azam Abas, Zulfakar Abdul Majid (H), Sezali Said, Mohd Suhairi Mohd Rasul (I), Azam Mokhtar, Mohd Zain Yaacob (Bebas).

Manakala pesilat wanita, Normala Yaacob, Nazrah Abdul Latif (A), Wan Amizah Wan Ahmad, Masliza Abu Bakar (B), Hamidah Mahat, Siti Haslina Shaharuddin (C), Rohana Manaf (D), Zaleha Suradi dan Nor Anifah Abdul Rahim (E).



■ WAN AMINUDDIN BAKI

## Azam bimbang ada halangan

O. Harian (M)

PESILAT Kelas Bebas kebangsaan, Azam Mokhtar, menyifatkan pesilat Kelantan, Mohd Zain Yaacob, sebagai penghalang untuk mewakili negara ke Sukan SEA XV.

Bagi memastikan tidak diketepikan dalam senarai skuad utama 15 pesilat, dia terpaksa bekerja keras untuk memulihkan ketahanan fizikal dan mental serta kecergasan tendangan sepanjang bulan Ramadan ini.

Katanya, selagi pemilihan skuad terakhir belum dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan

Pesaka, dia menganggap kedudukannya masih tercabar.

"Saya tahu Mohd Zain juga bercita-cita mewakili negara di pertemuan sukan terbesar Asia Tenggara, Ogos ini, ia bermakna persaingan untuk merebut tempat tetap 50-50."

"Sekalipun saya percaya akan terpilih dalam senarai skuad utama, saya tetap membuktikan persembahan terbaik. Jika dipilih, saya akan berusaha menggiatkan latihan bagi memastikan pingat emas tidak terlepas ke tangan orang lain," kata Azam itu.